



**PENGARUH KELAYAKAN GURU TERHADAP
KUALITI PENDIDIKAN AWAL
KANAK-KANAK DI TADIKA**



ANIS BATRISYIA PUTRI BINTI MOHD NIZAM

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2026



**PENGARUH KELAYAKAN GURU TERHADAP
KUALITI PENDIDIKAN AWAL
KANAK-KANAK DI TADIKA**

ANIS BATRISYIA PUTRI BINTI MOHD NIZAM

**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN
AWAL KANAK-KANAK
(KERJA KURSUS)**

**FAKULTI PEMBANGUNAN MANUSIA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2026



Sila tanda (✓)

Kertas Projek

Sarjana Penyelidikan

Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus

Doktor Falsafah

/

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada 13.(hari bulan) 4.(bulan) 2026

i. Perakuan pelajar :

Saya, ANIS BATRISYIA PUTRI BINTI MOHD NIZAM (M20232002974) FAKULTI PEMBANGUNAN MANUSIA (SILA NYATAKAN NAMA PELAJAR, NO. MATRIK DAN FAKULTI) dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk PENGARUH KELAYAKAN GURU TERHADAP KUALITI PENDIDIKAN AWAL KANAK-KANAK DI TADIKA adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya

Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, DR. ANIS NORMA BINTI MOHAMAD JAAFAR (NAMA PENYELIA) dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk PENGARUH KELAYAKAN GURU TERHADAP KUALITI PENDIDIKAN AWAL KANAK-KANAK DI TADIKA (TAJUK) dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (PENDIDIKAN AWAL KANAK-KANAK) (SILA NYATAKAN NAMA IJAZAH).

13 APRIL 2026

Tarikh

Tandatangan Penyelia



INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH / INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES

BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM

Tajuk / Title: PENGARUH KELAYAKAN GURU TERHADAP KUALITI PENDIDIKAN AWAL KANAK-KANAK DI TADIKA

No. Matrik /:
Matric's No.: M20232002974

Saya / I am: ANIS BATRISYIA PUTRI BINTI MOHD NIZAM
(Nama Pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana) ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut: -
acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows: -

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik Universiti Pendidikan Sultan Idris.
The Thesis/Dissertation/Project Paper is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris.
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat Salinan untuk tujuan rujukan dan pendidikan.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and education.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The library has the right to make copies of the thesis/Dissertation/Project Paper for academic exchange.
4. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) for category below: -

	AKSES TERBUKA OPEN ACCESS	Saya bersetuju bahawa Tesis/Disertasi/Kertas Projek boleh diterbitkan sebagai salinan fizikal atau akses terbuka dalam talian. I agree that the Thesis/Dissertation/Project Paper may be published as a physical copy or open access online.
	*TERHAD *LIMITED	Mengandungi maklumat terhad seperti yang dinyatakan oleh organisasi/institusi di mana penyelidikan dijalankan. (Perpustakaan akan menyekat akses sehingga ____ tahun). Contains restricted information as specified by the organization/institution where the research was conducted. (Library will restrict access until ____ years).
	*SULIT *CONFIDENTIAL	Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972. Contains confidential information under the Official Secrets Act 1972.
	EMBARGO	Tesis/Disertasi/Kertas Projek ini tertakluk kepada tempoh embargo selama 2 tahun atas sebab-sebab berikut: This Thesis/Dissertation/Project Paper is subject to an embargo period of 2 years for the following reasons:

*Nota / *Notes:

- i. Jika tiada pilihan yang ditandai, pilihan pertama akan dilaksanakan secara automatik.
If no option is marked, the first option will be automatically implemented.
- ii. Jika Tesis/Disertasi/Kertas Projek ini dikategorikan sebagai **SULIT** atau **TERHAD**, sila lampirkan surat dari pihak berkuasa/organisasi yang berkaitan dengan menyatakan alasan dan tempoh tesis ini perlu diklasifikasikan sebagai **TERHAD** atau **SULIT**. / If the Thesis/Dissertation/Project Paper is categorized as **CONFIDENTIAL** or **LIMITED**, kindly attach a letter from the relevant authority/organization stating the reason and duration for the thesis should be classified as **LIMITED** or **CONFIDENTIAL**.

(Tandatangan Pelajar/ Signature)

(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)
& (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)

Tarikh/Date:
13/04/2026

Tarikh/Date:



PENGHARGAAN

Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang, Segala pujian dan rasa syukur yang tidak terhingga dipanjatkan kepada Allah S.W.T kerana dengan izin-Nya jua penulisan kertas projek ini dapat disempurnakan. Penghargaan yang setinggi-tingginya dirakamkan kepada Dr. Anis Norma binti Mohamad Jaafar, pensyarah pembimbing saya, atas bimbingan, tunjuk ajar, dan sokongan yang berterusan sepanjang proses penyediaan penulisan kertas projek ini. Panduan, nasihat, dan dorongan beliau telah banyak membantu saya menyiapkan penulisan kertas projek ini dengan lebih teratur dan berkualiti.

Tidak lupa juga saya ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada keluarga saya, terutamanya ibu dan ayah, atas kasih sayang, doa, sokongan moral, dan dorongan sepanjang perjalanan akademik saya. Sokongan mereka menjadi sumber inspirasi dan kekuatan saya dalam menghadapi cabaran sepanjang penyelidikan ini.

Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada rakan-rakan dan peserta kajian yang telah sudi memberi kerjasama dan masa mereka. Tanpa sumbangan mereka, pengumpulan data dan pelaksanaan kajian ini tidak mungkin berjalan dengan lancar. Selain itu, penghargaan juga ditujukan kepada mana-mana pihak, organisasi, atau institusi yang telah memberikan bantuan secara langsung atau tidak langsung dalam memastikan kelancaran penyediaan penulisan kertas projek ini. Akhir kata, saya berharap penulisan kertas projek ini dapat memberi manfaat kepada dunia akademik dan pendidikan, serta menjadi sumbangan kepada masyarakat.





ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk meneroka pengaruh kelayakan guru terhadap kualiti pendidikan awal kanak-kanak di tadika swasta. Fokus utama kajian adalah untuk memahami pengalaman guru tadika yang tidak mempunyai kelayakan formal dalam Pendidikan Awal Kanak-kanak (PAKK), serta bagaimana kelayakan akademik dan pengalaman mereka mempengaruhi amalan pengajaran, pengurusan tingkah laku dan perkembangan pembelajaran kanak-kanak. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif deskriptif dengan reka bentuk kajian kes. Seramai tiga orang guru tadika swasta di kawasan Bandar Seri Botani, Ipoh, Perak dipilih sebagai peserta kajian melalui teknik persampelan bertujuan. Data dikumpulkan melalui temu bual tidak berstruktur, kemudian dianalisis menggunakan kaedah Analisis Tematik. Dapatan kajian menunjukkan bahawa guru tanpa kelayakan formal PAKK menghadapi pelbagai cabaran termasuk kekurangan pengetahuan pedagogi, kesukaran mengurus tingkah laku murid, beban kerja yang tinggi serta kekurangan sokongan latihan profesional. Walau bagaimanapun, guru-guru ini turut menunjukkan keupayaan adaptasi melalui pembelajaran sendiri, pemerhatian rakan sekerja dan pengalaman harian dalam bilik darjah. Kajian ini menegaskan bahawa kelayakan guru memainkan peranan penting dalam memastikan amalan pengajaran yang sesuai perkembangan dan berkualiti. Oleh itu, kajian ini mencadangkan penambahbaikan dari segi sokongan institusi, latihan profesional berterusan dan penguatkuasaan dasar bagi meningkatkan kualiti pendidikan awal kanak-kanak di Malaysia.



THE INFLUENCE OF TEACHER QUALIFICATIONS ON THE QUALITY OF EARLY CHILDHOOD EDUCATION IN KINDERGARTENS

ABSTRACT

This study aims to explore the influence of teachers' qualifications on the quality of early childhood education in private kindergartens. The main focus of the study is to examine the experiences of kindergarten teachers who do not possess formal qualifications in Early Childhood Education (ECE) and to understand how their academic background and teaching experience influence pedagogical practices, classroom management and children's learning development. A qualitative descriptive approach with a case study design was employed. Three private kindergarten teachers in Bandar Seri Botani, Ipoh, Perak were selected through purposive sampling. Data were collected through non-structured interviews, and analysed using Thematic Analysis. The findings reveal that teachers without formal ECE qualifications face various challenges, including limited pedagogical knowledge, difficulties in managing children's behaviour, heavy workload and lack of professional training support. However, the teachers demonstrated adaptability through self-directed learning, peer observation and experiential learning in daily classroom practice. The study highlights that teacher qualifications play a crucial role in ensuring developmentally appropriate and high-quality teaching practices. Therefore, this study recommends improvements in institutional support, continuous professional development and policy enforcement to enhance the quality of early childhood education in Malaysia.

**KANDUNGAN****Muka Surat**

PERAKUAN	ii
PENGESAHAN PENYERAHAN	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI RAJAH	xii
SENARAI SINGKATAN	xiii
SENARAI LAMPIRAN	xiv
BAB 1 PENGENALAN	
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	2
1.3 Penyataan Masalah	4
1.4 Objektif Kajian	6
1.5 Persoalan Kajian	7
1.6 Kerangka Teori	7
1.6.1 Teori Ekologi Bronfenbrenner (1979)	8
1.6.2 Teori Sosiobudaya Vygotsky (1978)	9





1.6.3	Teori Perkembangan Kognitif Piaget (1952)	10
1.7	Kerangka Konseptual	10
1.8	Definisi Operasional	14
1.9	Batasan Kajian	15
1.10	Kepentingan Kajian	16
1.11	Rumusan	18
BAB 2	TINJAUAN LITERATUR	
2.1	Pendahuluan	19
2.2	Kelayakan Guru dalam Konteks Pendidikan Awal	20
	Kanak-kanak	
2.2.1	Kelayakan Guru dan Kualiti Pendidikan	21
2.2.2	Cabaran dalam Pengambilan dan Pengekalan Guru	24
2.2.3	Kerangka Dasar dan Peraturan	27
2.2.4	Jurang dalam Pembangunan Profesional	29
2.2.5	Kelayakan Guru dan Hasil Kanak-Kanak	30
2.2.6	Perspektif Antarabangsa dan Amalan Terbaik	33
2.2.7	Strategi Pendidikan Awal Kanak-Kanak	34
2.3	Teori-Teori Berkaitan	36
2.3.1	Teori Ekologi Bronfenbrenner (1979)	36
2.3.2	Teori Sosiobudaya Vygotsky (1978)	39
2.3.3	Teori Konstruktivis Piaget (1952)	41
2.4	Peranan Latihan Pra-Perkhidmatan Dalam Membentuk	44
	Kualiti Guru	
2.5	Peranan Latihan Dalam Perkhidmatan	45
2.6	Hubungan Antara Kelayakan Guru dan Amalan Pedagogi	47



2.7 Peranan Refleksi Kendiri dalam Peningkatan Profesionalisme Guru	47
2.8 Peranan Budaya Organisasi dalam Kualiti Pendidikan	48
2.9 Kesediaan Guru Menghadapi Pendidikan Abad-21	48
2.10 Rumusan	49

BAB 3 METODOLOGI

3.1 Pendahuluan	51
3.2 Reka Bentuk Kajian	52
3.3 Pendekatan Kajian	53
3.4 Lokasi Kajian	55
3.5 Peserta Kajian	56
3.6 Teknik Persampelan	57
3.7 Instrumen Kajian	58
3.8 Kajian Rintis	59
3.9 Prosedur Pengumpulan Data	60
3.10 Kaedah Analisis Data	61
3.11 Kesahan dan Kebolehpercayaan Kajian	62
3.12 Rumusan	63

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1 Pendahuluan	64
4.2 Profil Responden	65
4.3 Dapatan Kajian Mengikut Tema	67
4.4 Rumusan	85

BAB 5 KESIMPULAN

5.1	Pendahuluan	86
5.2	Perbincangan Objektif Kajian	86
5.3	Implikasi Kajian	92
5.4	Cadangan Penambahbaikan	96
5.5	Cadangan Kajian Akan Datang	98
5.6	Rumusan	99
	RUJUKAN	101
	LAMPIRAN	107

SENARAI JADUAL

No Jadual

Muka Surat

4.1 Jadual Profil Peserta Kajian

66



SENARAI RAJAH

No. Rajah

Muka Surat

1.1 Gambarajah Aliran Kerangka Konseptual

12





SENARAI SINGKATAN

ADHD	<i>Attention Deficit Hyperactivity Disorder</i>
CPD	<i>Continuous Professional Development</i>
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
KSPK	Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan
NAEYC	<i>National Association for the Education of Young Children</i>
OECD	<i>Organisation for Economic Co-operation and Development</i>
PAKK	Pendidikan Awal Kanak-kanak
PdP	Pengajaran dan Pembelajaran
PPPM	Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia
RPH	Rancangan Pengajaran Harian
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
STPM	Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia
ZPD	<i>Zone of Proximal Development</i>





SENARAI LAMPIRAN

- A Surat Pengesahan Pelajar
- B Borang Instrumen Temu Bual
- C Borang Persetujuan dan Pengesahan Temubual
- D Contoh Transkrip Temu Bual





BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Pendidikan awal kanak-kanak merupakan asas penting dalam perkembangan kognitif, sosial, emosi dan bahasa kanak-kanak. Pada fasa umur ini, pengalaman pembelajaran yang berkualiti dapat mempengaruhi pencapaian akademik jangka panjang, motivasi pembelajaran serta perkembangan sahsiah seseorang individu. Banyak kajian menunjukkan bahawa kualiti pendidikan awal sangat bergantung kepada kelayakan, kemahiran dan pengalaman guru (Rahmatullah, 2021). Guru bukan sahaja menyampaikan kandungan pembelajaran, tetapi menjadi agen utama yang membentuk interaksi sosial, mengurus tingkah laku, membina hubungan emosi dan menyediakan pengalaman pembelajaran bermakna.

Walaupun Malaysia telah melaksanakan beberapa dasar yang menetapkan standard kelayakan profesional bagi guru tadika, realitinya menunjukkan bahawa sebahagian besar guru, terutamanya di tadika swasta, tidak mempunyai pendidikan





formal dalam Pendidikan Awal Kanak-Kanak (PAKK). Ramai daripada mereka merupakan lepasan SPM, STPM atau graduan dalam bidang lain seperti perniagaan, psikologi atau kaunseling. Situasi ini menimbulkan cabaran dalam memastikan amalan pengajaran yang berkualiti dan sesuai perkembangan (*developmentally appropriate practice*).

1.2 Latar Belakang Kajian

Pendidikan awal kanak-kanak memainkan peranan signifikan dalam membentuk kemahiran asas kognitif, sosial dan emosi yang menjadi asas pembelajaran sepanjang hayat (Meloy et al., 2019). Dalam konteks Malaysia, usaha memperkukuh pendidikan awal dapat dilihat melalui dasar seperti Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK), Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM 2013–2025), serta pelbagai garis panduan keperluan kelayakan guru oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). KPM menetapkan bahawa guru prasekolah perlu memiliki kelayakan minimum diploma dalam PAKK atau bidang berkaitan (KPM, 2019). Tujuannya adalah untuk memastikan guru mempunyai pengetahuan teori perkembangan kanak-kanak, kemahiran pedagogi serta strategi pengurusan tingkah laku yang berkesan.

Kajian Foong et. al (2018) mengatakan bahawa tahap kelayakan guru prasekolah di Malaysia masih tidak seragam kerana banyak tadika swasta masih merekrut guru dengan kelayakan minimum seperti SPM atau STPM kerana kekangan kewangan. Selain itu, tadika-tadika swasta juga kerap menyilih ganti guru yang kerap, dan kekurangan graduan berkeelayakan dalam PAKK (Foong et al., 2018). Malah, dalam





beberapa kes, guru hanya diberikan latihan minimum atau orientasi ringkas sebelum mula mengajar. Keadaan ini telah menyebabkan guru bergantung kepada pengalaman kerja, pemerhatian rakan sejawat atau sumber internet seperti YouTube untuk memahami pedagogi awal kanak-kanak, tanpa asas teori yang kukuh (Hamzah & Jamil, 2019).

Hal ini menimbulkan keperluan untuk memahami bagaimana guru yang tidak mempunyai pendidikan formal dalam PAKK menyesuaikan diri dalam bilik darjah. Guru tanpa kelayakan khusus sering melaporkan cabaran seperti:

- i. Kesukaran merancang aktiviti yang sesuai perkembangan
- ii. Kekangan dalam mengurus tingkah laku mencabar
- iii. Kurang yakin dalam menerapkan strategi pedagogi
- iv. Tiada latihan formal berkaitan pembelajaran awal
- v. Beban kerja yang tinggi dan gaji rendah

Kajian antarabangsa turut mendapati bahawa kelayakan guru mempengaruhi responsiviti, interaksi guru-kanak-kanak, keupayaan scaffolding dan kualiti keseluruhan pembelajaran (Slot, 2018; OECD, 2019). Justeru, memahami realiti guru tanpa kelayakan formal adalah penting bagi menilai jurang antara dasar dan pelaksanaan sebenar.

Sehubungan itu, kajian ini memfokuskan pengalaman guru yang tidak berkeelayakan formal PAKK, serta bagaimana kelayakan dan pengalaman mereka membentuk amalan pengajaran harian. Hal ini bertepatan dengan keperluan kajian semasa di Malaysia, iaitu memahami realiti pendidikan awal dari perspektif bagi meningkatkan amalan profesional guru tadika.





1.3 Penyataan Masalah

Walaupun terdapat dasar yang menetapkan kelayakan minimum bagi guru pendidikan awal kanak-kanak, realitinya masih ramai guru di tadika swasta tidak mempunyai kelayakan formal dalam bidang PAKK. Kajian tempatan mendapati bahawa lebih 40% guru prasekolah swasta merupakan lepasan sekolah menengah atau graduan bidang lain (Ismail, 2020). Kekurangan kelayakan formal ini menimbulkan kebimbangan kerana guru merupakan faktor utama yang mempengaruhi kualiti interaksi dan pengajaran dalam bilik darjah.

Pertama, guru yang tidak memiliki asas pendidikan awal kanak-kanak cenderung tidak memahami prinsip perkembangan kanak-kanak, menyebabkan mereka menghadapi kesukaran merancang aktiviti yang sesuai perkembangan. Responden dalam kajian awal pengkaji turut melaporkan bahawa mereka banyak bergantung pada Google, YouTube, dan bahan dalam talian untuk mendapatkan idea pengajaran. Hal ini menunjukkan bahawa guru bekerja tanpa kerangka pedagogi yang kukuh, menyebabkan aktiviti yang dijalankan kadangkala tidak selaras dengan tahap perkembangan kanak-kanak. Situasi ini selari dengan dapatan Hamzah & Jamil (2019), yang melaporkan bahawa guru tanpa kelayakan PAKK cenderung menggunakan strategi pengajaran berasaskan percubaan dan kesilapan.

Kedua, guru tanpa latihan formal berhadapan cabaran dalam mengurus tingkah laku murid. Mereka melaporkan kesukaran menangani murid aktif, kanak-kanak yang tidak boleh fokus, serta murid dengan ciri-ciri ADHD tanpa bimbingan profesional. Ini menyokong kajian daripada Yahya et al., (2024) yang menegaskan bahawa guru tanpa latihan pedagogi formal kurang kompeten dalam strategi pengurusan tingkah laku.





Sementara itu, guru tanpa kelayakan formal sering tidak menerima latihan profesional secara konsisten di tadika swasta. Mereka mengadu dapatan sokongan yang terhad daripada pihak pengurusan, latihan tidak berstruktur, serta beban kerja yang tinggi seperti menyediakan bahan bantu mengajar, membersihkan kelas, mengurus dokumentasi dan tugas tambahan lain. Beban kerja ini mengurangkan masa untuk guru membuat refleksi pedagogi atau rancangan pengajaran. Ngadni & Sammy (2024) turut mengenal pasti bahawa guru prasekolah swasta berhadapan beban kerja yang tinggi, gaji rendah dan peluang latihan terhad.

Selain itu, terdapat jurang pengetahuan antara guru yang mempunyai latar pendidikan formal (contohnya dalam kaunseling) dan mereka yang tidak mempunyai sebarang kelayakan pendidikan awal kanak-kanak. Guru dengan kelayakan dalam bidang lain mungkin mahir memahami tingkah laku atau emosi kanak-kanak, tetapi kurang pengetahuan dalam pedagogi dan pendekatan pembelajaran aktif. Perkara ini turut dilaporkan oleh Kasdiah et al. (2024) yang menyatakan bahawa bidang kepakaran yang tidak berkaitan sering gagal melengkapkan guru dengan kecekapan pedagogi awal.

Walaupun isu kekurangan guru tadika dengan kelayakan formal telah dibahaskan dalam literatur, kajian kualitatif yang meneliti pengalaman sebenar guru tadika di Malaysia, terutama bagaimana mereka mengurus kelas, membuat keputusan pedagogi, memahami kanak-kanak dan menyesuaikan diri dalam konteks tadika harian, masih sangat terhad. Kebanyakan kajian terdahulu lebih menumpukan kepada aspek seperti keberkesanan dasar, pengetahuan kurikulum, latihan profesional serta efikasi pengajaran, contohnya kajian mengenai kelayakan ikhtisas dan tahun pengalaman





terhadap pengetahuan kurikulum tadika (See et al., 2023). Namun, kajian-kajian ini bersifat kuantitatif dan tidak menggali secara mendalam naratif pengalaman dan adaptasi harian guru tanpa kelayakan formal.

Sehubungan itu, kajian ini dijalankan bagi meneroka secara mendalam pengalaman guru tadika yang tidak mempunyai kelayakan formal dalam Pendidikan Awal Kanak-kanak (PAKK), khususnya berkaitan cabaran yang dihadapi serta bagaimana mereka menyesuaikan amalan pengajaran dalam konteks pengajaran harian di tadika swasta.

1.4 Objektif Kajian



Secara spesifik kajian ini dijalankan untuk mencapai objektif berikut:

- i. Meneroka pengalaman guru tadika yang tidak mempunyai kelayakan formal dalam Pendidikan Awal Kanak-kanak (PAKK) terhadap amalan pengajaran harian mereka.
- ii. Menganalisis bagaimana tahap kelayakan akademik dan pengalaman guru mempengaruhi pendekatan pedagogi, pengurusan tingkah laku, serta perkembangan pembelajaran kanak-kanak di tadika.
- iii. Mengenal pasti cabaran serta bentuk sokongan yang diterima oleh guru dalam pelaksanaan tugas, termasuk aspek beban kerja, kebajikan, sumber, kemudahan, dan pengurusan tadika.





1.5 Persoalan Kajian

Kajian ini turut menjawab soalan-soalan kajian yang dikehendaki seperti berikut:

- i. Apakah pengalaman guru tadika yang tidak mempunyai kelayakan formal dalam Pendidikan Awal Kanak-kanak (PAKK) terhadap amalan pengajaran harian mereka?
- ii. Bagaimanakah tahap kelayakan akademik dan pengalaman guru mempengaruhi pendekatan pedagogi, pengurusan tingkah laku, serta perkembangan pembelajaran kanak-kanak di tadika?
- iii. Apakah cabaran serta bentuk sokongan yang diterima oleh guru dalam pelaksanaan tugas, termasuk aspek beban kerja, kebajikan, sumber, kemudahan, dan pengurusan tadika.



1.6 Kerangka Teori

Kerangka teori merupakan salah satu elemen penting dalam kajian kerana ia berfungsi sebagai asas konseptual yang membimbing hala tuju kajian, membentuk struktur analisis serta menjadi rujukan dalam mentafsir dapatan kajian. Dalam kajian ini, tiga teori utama telah dipilih untuk menyokong kefahaman terhadap hubungan antara kelayakan guru dan kualiti pendidikan awal kanak-kanak di tadika, iaitu Teori Ekologi Bronfenbrenner, Teori Sosiobudaya Vygotsky dan Teori Perkembangan Kognitif Piaget. Pemilihan ketiga-tiga teori ini adalah berasaskan kesesuaiannya dengan konteks pendidikan awal serta keupayaannya menjelaskan bagaimana faktor manusia (guru), persekitaran dan pengalaman pembelajaran mempengaruhi perkembangan kanak-kanak.



1.6.1 Teori Ekologi Bronfenbrenner (1979)

Teori Ekologi yang dikemukakan oleh Urie Bronfenbrenner menegaskan bahawa perkembangan kanak-kanak dipengaruhi oleh interaksi berterusan antara individu dengan persekitaran yang berlapis seperti mikrosistem, mesosistem dan eksosistem. Dalam pendidikan awal kanak-kanak, tadika dan bilik darjah merupakan mikrosistem utama yang paling hampir dengan kanak-kanak, manakala guru berperanan penting dalam membentuk iklim pembelajaran, emosi dan sosial. Guru yang mempunyai kelayakan formal dalam Pendidikan Awal Kanak-kanak lazimnya lebih memahami keperluan perkembangan kanak-kanak, menggunakan pendekatan sesuai peringkat umur serta mampu menyesuaikan strategi pengajaran mengikut keperluan individu murid.

Di peringkat mesosistem, guru berkelayakan juga lebih berkesan dalam menjalin kerjasama dengan ibu bapa dan komuniti melalui komunikasi yang sistematik serta sokongan terhadap perkembangan kanak-kanak (Rahman & Johari, 2022). Selain itu, faktor eksosistem seperti dasar pendidikan, peluang latihan profesional dan sokongan organisasi turut mempengaruhi kompetensi guru, namun guru yang kurang kelayakan formal sering mempunyai akses terhad kepada latihan berterusan dan bimbingan pedagogi berkualiti (Ramalingam, 2025). Oleh itu, hal ini menunjukkan bahawa Teori Ekologi menyokong kajian ini dengan menjelaskan bahawa kelayakan guru sebagai faktor dalam mikrosistem yang memberi kesan langsung dan tidak langsung terhadap perkembangan serta kualiti pendidikan awal kanak-kanak.

1.6.2 Teori Sosiobudaya Vygotsky (1978)

Teori Sosiobudaya oleh Lev Vygotsky menegaskan bahawa pembelajaran dan perkembangan kanak-kanak berlaku melalui interaksi sosial, khususnya melalui konsep *Zone of Proximal Development* (ZPD) dan *scaffolding* yang diberikan oleh individu lebih mahir. Dalam pendidikan awal kanak-kanak, guru memainkan peranan utama sebagai penyedia *scaffolding* yang membantu kanak-kanak mencapai tahap kefahaman yang lebih tinggi.

Guru yang berkeupayaan dalam pendidikan awal kanak-kanak lebih berkeupayaan menyediakan bimbingan yang sesuai melalui penggunaan bahasa, aktiviti kolaboratif serta pendekatan pembelajaran aktif seperti bermain sambil belajar, pembelajaran berasaskan projek dan juga inkuiri. Sebaliknya, guru yang kurang kelayakan sering menghadapi kesukaran mengenal pasti tahap perkembangan murid dan menyediakan sokongan yang berkesan. Kajian oleh Osman et al. (2022) menunjukkan bahawa kemahiran interaksi antara guru dan kanak-kanak adalah lebih tinggi dalam kalangan guru terlatih, sekali gus ianya meningkatkan keupayaan kanak-kanak untuk berfikir secara kritikal, menyelesaikan masalah dan membina kefahaman sendiri. Oleh itu, Teori Sosiobudaya menyokong bahawa kelayakan guru mempengaruhi keberkesanan *scaffolding* dan potensi pembelajaran kanak-kanak secara maksimum.

1.6.3 Teori Perkembangan Kognitif Piaget (1952)

Teori Perkembangan Kognitif oleh Jean Piaget menegaskan bahawa kanak-kanak membina pengetahuan melalui pengalaman dan interaksi langsung dengan persekitaran. Pada peringkat awal kanak-kanak berada dalam fasa pra-operasi, yang mana pembelajaran perlu bersifat konkrit, berasaskan aktiviti realistic atau *hands-on*, eksplorasi dan permainan simbolik yang sesuai dengan tahap perkembangan kognitif mereka.

Guru yang berkeelayakan dalam pendidikan awal kanak-kanak lazimnya memahami kepentingan pembelajaran aktif dan mampu merancang pengalaman pembelajaran yang sesuai perkembangan. Sebaliknya, guru yang kurang pengetahuan pedagogi cenderung menggunakan pendekatan akademik terlalu awal yang tidak selari dengan perkembangan kanak-kanak, seperti penulisan berulang dan hafalan (MD. Yatim et al., 2020). Oleh itu, teori ini menyokong bahawa kelayakan guru merupakan faktor penting dalam memastikan kualiti pendidikan awal yang menekankan pengalaman pembelajaran bermakna, seimbang dan sesuai perkembangan.

1.7 Kerangka Konseptual

Kerangka konseptual kajian ini dibina untuk menggambarkan hubungan antara kelayakan guru sebagai pemboleh ubah utama dan kualiti pendidikan awal kanak-kanak di tadika sebagai pemboleh ubah bersandar. Di samping itu, faktor sokongan



persekitaran dan pengurusan turut dimasukkan sebagai pemboleh ubah perantara yang mempengaruhi kekuatan hubungan tersebut.


Dalam kerangka ini, kelayakan guru meliputi tahap pendidikan formal (contohnya STPM, diploma atau ijazah), latihan profesional berkaitan pendidikan awal kanak-kanak, pengalaman mengajar dan pendedahan kepada kursus atau bengkel berkaitan pedagogi awal. Kualiti pendidikan awal pula dinilai melalui aspek-aspek seperti pendekatan pengajaran, pengurusan tingkah laku, interaksi guru-kanak-kanak, kesesuaian aktiviti dengan perkembangan dan tahap penglibatan murid dalam pembelajaran harian.

Sokongan pengurusan tadika, peluang pembangunan profesional, ketersediaan bahan bantu mengajar serta persekitaran fizikal kelas bertindak sebagai faktor moderasi yang boleh mengukuhkan atau melemahkan hubungan antara kelayakan guru dan kualiti pendidikan (Abdullah, 2019). Ini bermakna, walaupun seorang guru mempunyai kelayakan formal, kualiti pendidikan masih boleh terjejas sekiranya institusi tidak menyediakan persekitaran sokongan yang mencukupi.



Rajah 1.1

Gambarajah Aliran Kerangka Konseptual



Kelayakan guru merupakan komponen asas yang menentukan tahap profesionalisme serta kecekapan pedagogi dalam pendidikan awal kanak-kanak. Guru yang menerima latihan formal dalam bidang Pendidikan Awal Kanak-kanak bukan sahaja memahami teori perkembangan kanak-kanak, malah berupaya mengaplikasikan pendekatan pengajaran yang bersesuaian dengan tahap umur dan keperluan individu murid. Menurut Ramasamy et al. (2024), guru berkeelayakan menunjukkan tahap kesediaan yang lebih tinggi dalam merancang pengalaman pembelajaran yang bersifat perkembangan (*developmentally appropriate practice*), seterusnya mewujudkan persekitaran pembelajaran yang lebih bermakna dan menyokong keperluan holistik kanak-kanak.

Sebaliknya, guru yang tidak mempunyai kelayakan formal dalam pendidikan awal kanak-kanak sering bergantung kepada pengalaman peribadi, bahan tidak formal atau pemerhatian terhadap rakan sekerja dalam menjalankan aktiviti pengajaran. Kajian



daripada Sabri (2018) turut menjelaskan bahawa kekurangan asas pedagogi yang sistematik boleh menyebabkan guru menggunakan pendekatan pengajaran yang kurang selari dengan fasa perkembangan kanak-kanak seperti terlalu menekankan latihan bertulis dan hafalan pada usia yang sepatutnya dipenuhi dengan pembelajaran berasaskan permainan dan eksplorasi. Keadaan ini bukan sahaja menjejaskan minat belajar kanak-kanak, malah boleh membantutkan perkembangan kreativiti, kemahiran sosial dan kebolehan menyelesaikan masalah.

Kualiti pendidikan awal kanak-kanak juga sangat bergantung kepada mutu interaksi antara guru dan murid dalam persekitaran pembelajaran. Guru yang berkecayaan lazimnya lebih peka terhadap keperluan emosi, sosial dan psikologi kanak-kanak serta mampu membina hubungan yang positif dan responsif. Hal ini disokong oleh Hussin et al. (2025) yang mendapati bahawa tahap kecekapan guru dalam membina interaksi berkualiti memberi kesan langsung terhadap perkembangan keyakinan diri, kemahiran komunikasi dan pengurusan emosi kanak-kanak. Interaksi yang sesuai dan menyokong ini seterusnya menyumbang kepada suasana pembelajaran yang kondusif dan stabil dari segi emosi.

Walau bagaimanapun, pengaruh kelayakan guru terhadap kualiti pendidikan awal tidak berfungsi secara terasing. Keberkesanan kelayakan tersebut turut dipengaruhi oleh faktor persekitaran seperti sokongan pihak pengurusan, peluang latihan profesional berterusan dan ketersediaan bahan pembelajaran yang mencukupi (Ambon et al., 2024). Meskipun faktor-faktor ini tidak ditakrifkan sebagai pembolehubah utama dalam kerangka konseptual kajian ini, tetapi dapatan kajian dijangka menunjukkan bagaimana elemen-elemen sokongan tersebut berupaya



menguatkan atau melemahkan kesan kelayakan guru terhadap kualiti pendidikan awal kanak-kanak di tadika.

1.8 Definisi Operasional

Definisi operasional kajian merujuk kepada penjelasan istilah berdasarkan konteks kajian ini. Oleh itu, pengkaji menjelaskan maksud bagi bidang utama kajian ini iaitu kelayakan guru dan kualiti pendidikan awal kanak-kanak.

1.8.1 Guru Tidak Berkelayakan Pendidikan Awal Kanak-kanak

Dalam konteks kajian ini, guru tidak berkelayakan PAKK merujuk kepada individu yang mengajar di tadika tetapi tidak memiliki kelayakan formal dalam Pendidikan Awal Kanak-Kanak (PAKK) seperti Diploma PAKK, Ijazah PAKK, atau sijil profesional pendidikan awal. Walaupun mereka mempunyai pengalaman mengajar atau kelayakan dalam bidang lain, mereka tidak melalui latihan pedagogi asas yang diperlukan untuk mengajar murid berumur 4–6 tahun secara profesional (Sharif & Masnan, 2020). Guru dalam kategori ini menjadi fokus utama kajian kerana mereka sering ditempatkan di institusi swasta dan diberi tanggungjawab mengajar tanpa latihan formal yang mencukupi.

1.8.2 Cabaran Pengajaran

Cabaran pengajaran merujuk kepada kesukaran yang dihadapi oleh guru tidak berkecukupan PAKK dalam melaksanakan PdP, termasuk penyediaan Rancangan Pengajaran Harian (RPH), pengurusan emosi dan tingkah laku murid, pemilihan aktiviti yang sesuai perkembangan (*developmentally appropriate practices*), serta pelaksanaan pedagogi yang selari dengan kurikulum tadika (NAEYC, 2020). Cabaran ini timbul kerana kekurangan asas teori pendidikan awal dan pendedahan kepada amalan terbaik dalam bilik darjah.

1.8.3 Adaptasi Pengajaran

Adaptasi pengajaran merujuk kepada strategi atau penyesuaian yang dilakukan oleh guru tidak berkecukupan PAKK untuk memenuhi keperluan PdP tanpa latihan formal. Ini termasuk pembelajaran sendiri melalui internet, meniru bahan sedia ada, mendapatkan bimbingan rakan guru (*peer scaffolding*), atau menggunakan pendekatan '*trial and error*' (Vygotsky et al., 1978; Sedek et al., 2025). Adaptasi ini penting bagi memastikan keberkesanan PdP walaupun mereka tidak mempunyai latihan pedagogi yang formal.

1.9 Batasan Kajian

Kajian ini mempunyai beberapa batasan yang perlu diambil kira dalam menafsir dapatan kajian. Pertama, kajian ini dijalankan secara kualitatif dan hanya melibatkan



sampel yang kecil serta terhad kepada beberapa buah tadika di kawasan Bandar Seri Botani, Ipoh, Perak. Oleh itu, dapatan kajian tidak boleh digeneralisasikan kepada semua tadika di Malaysia.

Seterusnya, dapatan kajian bergantung kepada kejujuran dan keterbukaan responden semasa sesi temu bual, justeru kemungkinan wujudnya bias persepsi atau kecenderungan untuk memberikan jawapan yang bersifat idealistik. Selain itu, faktor luaran seperti dasar kerajaan, latar sosioekonomi ibu bapa serta budaya organisasi tadika mungkin turut mempengaruhi kualiti pendidikan tetapi tidak dikaji secara mendalam dalam kajian ini. Walau bagaimanapun, batasan ini tidak menjejaskan nilai signifikan kajian ini, sebaliknya memberikan peluang untuk kajian lanjutan yang lebih mendalam pada masa akan datang.



1.10 Kepentingan Kajian

Kajian ini membawa kepentingan yang signifikan kepada pelbagai pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam pendidikan awal kanak-kanak. Dari sudut sumbangan akademik, kajian ini memperluaskan literatur tempatan berkaitan kelayakan guru dan kualiti pendidikan awal kanak-kanak, khususnya melalui pendekatan kualitatif yang masih terhad di Malaysia. Kajian ini bukan sahaja menambah pemahaman tentang isu kelayakan guru, malah memberikan gambaran mendalam tentang pengalaman sebenar guru tadika tanpa kelayakan formal dalam konteks amalan pengajaran harian.





Dari perspektif pengusaha dan pengurus tadika, dapatan kajian ini dapat meningkatkan kesedaran tentang kepentingan melantik guru yang berkelayakan serta menyediakan sokongan profesional yang mencukupi seperti latihan berterusan, bimbingan pedagogi dan pengurusan beban kerja. Maklumat yang diperoleh boleh membantu pihak pengurusan membuat keputusan yang lebih berinformasi dalam aspek pengambilan guru, pembangunan profesional serta penambahbaikan persekitaran kerja demi meningkatkan kualiti pengajaran di tadika.

Bagi guru tadika, khususnya guru yang tidak mempunyai kelayakan formal dalam Pendidikan Awal Kanak-kanak, kajian ini memberi ruang kepada suara dan pengalaman mereka untuk difahami secara lebih adil dan realistik. Dapatan kajian dapat membantu guru mengenal pasti kekuatan, cabaran serta keperluan sokongan profesional yang diperlukan dalam melaksanakan pengajaran yang lebih sesuai dengan perkembangan kanak-kanak.

Di peringkat pembuat dasar dan pihak berkepentingan seperti Kementerian Pendidikan Malaysia, kajian ini boleh dijadikan rujukan dalam menggubal atau menambah baik dasar berkaitan kelayakan guru, skim pembangunan profesional dan sokongan kepada tadika swasta. Secara keseluruhannya, kajian ini menyumbang kepada usaha memperkukuh sistem pendidikan awal kanak-kanak di Malaysia dengan menekankan kepentingan kelayakan guru sebagai asas kepada pembangunan kanak-kanak yang holistik dan berkualiti.





1.11 Rumusan

Bab ini telah menjelaskan tentang latar belakang kajian yang dijalankan bermula dengan pengenalan kepada latar belakang kajian, pernyataan masalah, tujuan kajian, objektif dan soalan kajian, batasan kajian, kepentingan kajian, serta definisi operasional yang digunakan dalam kajian. Dalam bab seterusnya pengkaji membincangkan mengenai tinjauan literatur.

